

Tuntutan Syarak terhadap Pencaruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Mohd Faizal, A. K., Hasnan Bin Abu Bakar, Suzaihan binti Sulaiman dan NoorHaslinda binti Zainal Abidin.

Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

ABSTRAK : Islam telah meletakkan kerangka kebertanggungjawaban manusia terhadap pemilikan harta di bawah tanggungannya. Sehubungan dengan itu, umat Islam perlu memastikan kebertanggungjawabannya terhadap harta-harta tersebut berasaskan kepada kerangka syarak. Artikel ini membincangkan tentang tuntutan syarak ke atas orang Islam bagi caruman yang disimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ia bertujuan untuk mengetengahkan aspek-aspek yang perlu dipenuhi oleh para pencarum Muslim terhadap wang yang diletakkan di bawah pemilikannya dalam akaun KWSP. Penilaian dilakukan secara deduktif berasaskan kepada nas dan pandangan para sarjana berkaitan aspek-aspek penyucian harta tidak halal dan zakat. Kajian ini mendapati bahawa beberapa aspek dalam pengurusan kewangan KWSP khususnya bagi orang Islam adalah tidak menepati hukum syarak. Justeru itu, beberapa langkah dicadangkan bagi memastikan akaun pencarum adalah memenuhi keperluan syarak antaranya meminimumkan kesan wang tidak halal ke atas caruman orang Islam, pewartaan fatwa bagi memenuhi keperluan KWSP dan lain-lain.

KEYWORDS – KWSP, Syarak

A. PENDAHULUAN

Dalam Islam, harta yang dikurniakan Allah kepada mana-mana hambanya tidak terlepas daripada beberapa tuntutan yang ditentukan. Tuntutan agama daripada harta yang dimiliki oleh seorang individu antara lain:

- a. memastikan kesucian harta (Asyraf Wajdi Dusuki, *et al*, 2011, 471).
- b. mengeluarkan zakat (Husayn Husayn Shahanah, 2009, 27).
- c. harta tidak disia-siakan (Al-Qaradawi, 2008, 19).

Sewajarnya ketiga-tiga aspek ini diperhalusi oleh setiap individu muslim bagi memastikan pemilikan hartanya mematuhi kehendak syarak. Artikel ini menumpukan dua aspek pertama daripada tanggungjawab ini iaitu memastikan kesucian harta dan pengeluaran zakat bagi pencarum KWSP beragama Islam.

B. KWSP DAN PELABURAN

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (Laman Utama, 2016). Ia adalah sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) yang menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai (Latar belakang, 2016). Justeru, KWSP melaksanakan tanggungjawabnya dengan melakukan aktiviti-aktiviti pelaburan yang amat luas bagi memastikan ia dapat menjana keuntungan bagi diagihkan semula kepada pencarum.

Tuntutan Syarak terhadap Pencaruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

KWSP menjamin dividen sebanyak 2.5 peratus setahun kepada para pelaburnya. Bagi memastikan bayaran dividen sebanyak 2.5 peratus setahun tercapai, KWSP melaburkan caruman pelabur melalui instrumen kewangan yang memberikan pulangan optimum (Dividen. 2016).

Namun begitu, KWSP tidak dapat memastikan keseluruhan pelaburannya berada dalam kategori patuh syarak. Senarai pelaburan ekuiti KWSP bagi 30 syarikat teratas yang tersenarai di Bursa Malaysia setakat 30 Jun 2013 adalah seperti berikut:

NO.	SAHAM	% PEGANGAN	KATEGORI (PATUH/TIDAK)
1.	Malaysia Building Society Bhd	64.96%	Tidak
2.	Malaysian Resources Corp Bhd	42.16%	Tidak
3.	RHB Capital Bhd	41.01%	Tidak
4.	Media Prima Bhd	17.88%	Tidak
5.	Shell Refining (FOM) Bhd	16.87%	Patuh
6.	MBM Resources Bhd	15.95%	Patuh
7.	Dialog Group Bhd	15.84%	Patuh
8.	Kuala Lumpur Kepong Bhd	15.69%	Patuh
9.	IJM Plantations Bhd	15.26%	Patuh
10.	Genting Plantations Bhd	15.16%	Patuh
11.	UMW Holdings Berhad	15.05%	Patuh
12.	Digi.Com Berhad	15.01%	Patuh
13.	Hong Leong Bank Bhd	14.87%	Tidak
14.	Axis Reit Managers	14.10%	Patuh
15.	Sime Darby Berhad	13.77%	Patuh
16.	Petronas Gas Bhd	13.62%	Patuh
17.	Telekom Malaysia Bhd	13.41%	Patuh
18.	Public Bank Bhd	13.01%	Tidak
19.	Alliance Financial Group Bhd	12.87%	Tidak
20.	Tenaga Nasional Bhd	12.69%	Patuh
21.	Petronas Chemicals Group Bhd	12.68%	Patuh
22.	CIMB Group Holdings Berhad	12.66%	Tidak
23.	UTD Plantation Berhad	12.55%	Tidak
24.	AMMB Holdings Bhd	12.41%	Tidak
25.	WCT Berhad	12.39%	Patuh
26.	KPJ Healthcare Bhd	12.17%	Patuh
27.	Malaysia Airport Holdings Bhd	12.10%	Tidak
28.	Axiata Group Bhd	12.08%	Patuh
29.	Sapura Kencana Petroleum Bhd	11.71%	Patuh
30.	IJM Corp Berhad	11.67%	Patuh

Berasaskan kepada Senarai Sekuriti Patuh Syariah (2014) oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, empat pegangan pelaburan teratas KWSP adalah dalam syarikat yang tidak dikategorikan patuh syarak iaitu Malaysia Building Society Bhd sebanyak 64.96% pegangan, Malaysian Resources Corp Bhd sebanyak 42.16% pegangan, RHB Capital Bhd. sebanyak 41.01% pegangan, dan Media Prima Bhd sebanyak 17.88% pegangan (Senarai Pelaburan Ekuiti, 2014).¹

Dapat disimpulkan bahawa KWSP merupakan institusi yang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pulangan kepada para pencarumnya. KWSP tidak meletakkan tanggungjawab bagi memastikan pengurusan harta yang halal samada bagi pelaburannya atau pun sumber wang yang datang daripada wang caruman pencarum.

C. SIMPANAN KWSP DAN KESUCIAN HARTA

Bagi meneliti aspek kesucian harta daripada caruman KWSP, wang dalam akaun pencarum KWSP dapat dipecahkan kepada tiga bahagian utama:

- a. Sumbangan gaji pencarum
- b. Sumbangan majikan
- c. Dividen

Setiap pecahan di atas perlu dinilai bagi memastikan status halalnya:

Hukum Caruman Sumbangan Gaji Pencarum dan Majikan

Sekiranya pencarum bekerja dengan majikan yang menjalankan aktiviti yang tidak bercanggah dengan syarak, maka bahagian (a) dan bahagian (b) daripada akaunnya adalah halal sepenuhnya. Namun begitu, sekiranya pencarum bekerja dengan majikan yang menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan syariah atau bercampur antara aktiviti yang patuh dan tidak patuh syariah, maka bahagian (a) dan (b) daripada akaunnya perlu dibersihkan mengikut kadar ketidakpatuhan kepada syariah.

Dividen KWSP

KWSP tidak menjamin bahawa pelaburannya adalah patuh syarak. Antara alasan ketidakpatuhan syarak yang dikemukakan oleh KWSP adalah:

- a. "... pencarum KWSP tidak semuanya beragama Islam menyebabkan pelaburan KWSP bercampur-campur."
- b. KWSP tidak berupaya melaburkan simpanan ahli beragama Islam ini dalam instrumen pelaburan yang 100 peratus mematuhi syariah kerana kekurangan instrumen tersebut di pasaran (Zaharuddin, 2007).²
- c. Kaedah pengurusan pelaburan dan keuntungan KWSP juga mempunyai masalah dari sudut syarak yang mana ia menetapkan keuntungan dengan jaminan yang diberikan oleh KWSP sendiri kepada pencarum. Ia adalah bertentangan dengan kaedah syarak (Zaharuddin, 2011)

KWSP hanya menyatakan bahawa caruman bulanan dilaburkan melalui beberapa instrumen kewangan yang diluluskan untuk menghasilkan pendapatan. Ini termasuklah Sekuriti Kerajaan Malaysia, Instrumen Pasaran Wang, Bon & Pinjaman, Ekuiti dan Hartanah (Overview, 2014). Sehubungan dengan itu juga, pelaburan KWSP adalah tidak keseluruhannya patuh syariah berasaskan kepada beberapa fakta:

¹ Penelitian terhadap Senarai Pelaburan Ekuiti KWSP pada 2016 telah berubah dengan beberapa peratusan bagi syarikat patuh syariah telah meningkat (Senarai Pelaburan Ekuiti, 2016).

² Berdasarkan surat resmi daripada KWSP dengan rujukan 15/2/2-0635-1.

- a. KWSP direkodkan telah mengeluarkan surat memaklumkan status pelaburan KWSP yang tidak semuanya mematuhi syariah (Zaharuddin, 2007).
- b. pelaburan KWSP dalam pelaburan tidak patuh syariah.
- c. Setakat hari ini KWSP adalah sebuah institusi yang masih diurus secara konvensional dan pencarum tidak ada pilihan untuk menentukan pelaburannya (Nor Mohd Yakcop, 1996).

Sehubungan dengan itu, dividen yang diberikan kepada pencarum juga adalah tidak halal sepenuhnya. Ini adalah kerana dividen diberikan hasil daripada keuntungan pelaburan yang tidak halal. Ia bersesuaian dengan Hadis Nabi s.a.w.:

*Setiap daging yang tumbuh daripada sumber haram, maka neraka lebih utama baginya.
(Hadis, al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Ma Dhukira fi Fadl al-Solah, no. Hadith 558)*

Ia juga selaras dengan kaedah fiqah yang menyatakan: apabila berhimpun yang halal dan yang haram maka yang haram itu adalah dominan (Ibn Najim, t.t., h. 335)³. Oleh kerana itu, hukum asal bagi dividen KWSP adalah dikira sebagai tidak menepati kehendak syarak.

Justeru itu, sebahagian daripada dividen yang diterima oleh pencarum adalah tidak halal untuk digunakan dan tidak dikira sebagai pemilikan pencarum pada pandangan syarak. Satu masalah yang turut menimbulkan keperluan kepada perbincangan khusus adalah keuntungan yang didapati daripada dividen yang telah diberikan oleh KWSP apabila ia turut dilaburkan semula. Muzakarah Fatwa Kebangsaan (Bil. 2/2015) telah menetapkan bahawa ahli KWSP sedia ada yang memilih akaun KWSP-Islamik tidak perlu melakukan pembersihan dividen bagi pertukaran kali pertama.

Tiada maklumat yang boleh dipegang secara rasmi terhadap peratusan keuntungan daripada pelaburan sama ada halal atau haram yang dijana oleh KWSP. Kedapatan sebahagian pengkaji menyatakan bahawa 50% keuntungan yang diberikan oleh KWSP adalah tidak halal. Sebahagian yang lain pula menyatakan kadar 70% daripada dividen tersebut (Abu_Muadz, 2012). Sehubungan dengan itu, keuntungan daripada kaunter-kaunter tersebut perlu dibersihkan (Zaharuddin, 2007). Ianya bertepatan dengan Firman Allah Taala (Surah al-Nisa': 29):

“Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

D. MENGELUARKAN ZAKAT

Antara tanggungjawab pencarum KWSP terhadap pemilikannya dalam caruman KWSP ialah menunaikan zakat. Sekurang-kurangnya terdapat dua fatwa yang telah dikeluarkan secara rasmi oleh pihak berwajib berkenaan dengan zakat KWSP yang diedarkan pada tahun 1982 dan 2006:

- a. Zakat Wang KWSP
"Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-5 yang bersidang pada 16-17 Feb 1982 telah membincangkan Zakat Wang KWSP. Muzakarah telah memutuskan bahawa wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, bagi pekerja-pekerja Islam wajib dikeluarkan zakat bila cukup haulnya

³ الحرام غلب والحلال اجتمع إذا

iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Syafii." (Zakat Wang KWSP , 2009)

b. Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Mazhab Syafii menetapkan bahawa zakat harta wajib dikeluarkan apabila cukup nisab dan tempoh haulnya. Wang KWSP adalah harta simpanan. Wang KWSP apabila dikeluarkan adalah diwajibkan zakat apabila sempurna kedua-dua syarat iaitu cukup nisab dan haul yang ditetapkan. Walau bagaimanapun jumhur ulama berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisabnya.
2. Berdasarkan pandangan tersebut, Muzakarah memutuskan bahawa Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali Ke-5 pada 16-17 November 1982 dipinda seperti berikut "Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun" (Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif, 2006).

Daripada kedua-dua fatwa tersebut dapat dirumuskan bahawa wang KWSP perlu dizakatkan. Perselisihan dan perbezaan hanya berlaku pada kaedah pembayaran iaitu sama ada perlu dilunaskan sementelahan dikeluarkan wang tersebut⁴ ataupun perlu menunggu cukup nisab selama setahun.

Namun begitu, dalam mengeluarkan zakat KWSP, aspek penyucian harta perlu didahulukan daripada pengeluaran zakat (Husayn Husayn Shahanah, 2009, 104 dan Abu Mukh, 2007, 269). Ini adalah kerana harta yang bukan menjadi milik pembayar zakat tidak perlu dizakatkan. Sebegitu juga bahagian dividen KWSP yang bersumberkan pelaburan tidak patuh syarak perlu dikeluarkan terlebih dahulu sebelum dizakatkan. Ini adalah berasaskan kepada hadis Nabi SAW:

إذا أدت الزكاة فقد قضيت ما عليك ، ومن جمع مالا حراما ، ثم تصدق به لم يكن له فيه

أجر ، وكان إصره عليه "

Apabila kamu menunaikan zakat, maka kamu telah menyempurnakan tanggungjawabmu. Barang siapa yang mengumpulkan harta yang haram kemudian mendermakannya, tiadalah baginya sebarang pahala (kerana harta itu bukan hartanya) dan

⁴ Sebahagian pencarum mengeluarkan wang bagi tujuan melunaskan bayaran tertentu. Dalam kes tertentu pencarum langsung tidak memiliki wang tersebut. Sebaliknya wang yang dikeluarkan itu terus dikreditkan kepada pemberi biaya (bank atau peminjam).

penanggung dosanya kekal (sehingga bertaubat) (Hadith, al-Hakim, al-Mustadrak 'ala Sahihayn, no. Hadith 1391)⁵

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dapat dirumuskan bahawa kedapatan beberapa tuntutan agama bagi wang KWSP dapat dipenuhi sendiri oleh pencarum iaitu pengeluaran zakat KWSP. Sebahagian tuntutan itu pula tidak dapat dipenuhi oleh pencarum KWSP iaitu memastikan pelaburan wangnya adalah halal. Ini adalah kerana pencarum terpaksa menerima pelaburan dan hasil pelaburan yang diberikan oleh KWSP samada dari sumber halal atau haram. Namun begitu, pencarum boleh mengambil inisiatif sendiri dengan memastikan hasil daripada pelaburan yang tidak halal itu disucikan dengan mengeluarkannya daripada pemilikan pencarum. Melaksanakan tanggungjawab ini menyebabkan pencarum kehilangan sebahagian wang yang sepatutnya boleh digunakan apabila tiba hari persaraan. Ini pastinya menimbulkan kemudaratan yang besar kepada pencarum yang memerlukan kepada tindakan yang bijak oleh KWSP dan pihak berwajib bagi memastikan simpanan pencarum boleh dioptimalkan sebaiknya.

Oleh kerana dividen KWSP yang tidak halal sepenuhnya menimbulkan kerugian kepada pencarum Muslim, maka beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasi masalah ini yang termasuk dalam kategori *masalah 'ammah*. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan dibahagikan kepada dua bahagian; cadangan jangka pendek dan cadangan jangka panjang.

Penyelesaian Jangka Pendek

Beberapa tindakan boleh diambil oleh pihak KWSP sendiri dan juga pihak berwajib bagi menyelesaikan permasalahan ini atau meminimumkan kesan negatifnya:

- a. Keharusan dividen KWSP berasaskan kepada fatwa keharusan Amanah Saham Bumiputera (ASB)
Fatwa boleh dikeluarkan berasaskan kepada keperluan yang dikenal pasti dan diterima syarak bagi menghalalkan dividen KWSP. Hujah yang digunakan bagi menghalalkan ASB boleh digunakan bagi menghalalkan dividen KWSP. Fatwa yang mengharuskan ASB adalah seperti berikut: "Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telah pun memutuskan bahawa skim pelaburan ASB dan ASN serta dividen atau bonus yang diterima pelabur adalah harus hukumnya. Dalam Muzakarah yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang turut diwakili oleh mufti-mufti seluruh Malaysia mengharuskannya atas hujah menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar." (Asyraf Wajdi, t.t.)
- b. KWSP boleh meminimumkan kesan sumber haram ke atas orang Islam dengan mengalirkan keuntungan dari sumber itu kepada orang bukan Islam. Walaupun tindakan ini mungkin memberikan beberapa kesulitan kepada pihak KWSP, namun kepentingan pencarum perlu diutamakan. Dengan cara ini, mungkin dividen yang tidak patuh syariah boleh dikurangkan di bawah nilai 50%.
- c. KWSP boleh mengemukakan data yang jelas terhadap nisbah keuntungan tidak patuh syariah agar pihak pencarum Muslim boleh membuat perkiraan yang mudah bagi menyucikan dividen tersebut. KWSP perlu melaksanakan tanggungjawab ini walaupun

⁵ Al-Zahabi memperakui kesahihannya manakala al-Albani menyatakan: "Ianya lemah".

tanpa keperluan atau peruntukan undang-undang berasaskan kepada tanggungjawab sosial KWSP kepada pencarum Muslim.

- d. Menubuhkan jawatankuasa syariah yang memantau perjalanan KWSP agar selaras dengan syarak.

Penyelesaian Jangka Panjang

KWSP perlu memastikan pelaburan yang patuh syariat sahaja. Perkembangan semasa memperlihatkan instrumen perbankan dan pelaburan Islam berkembang dengan pesat. Justeru itu, langkah-langkah yang lebih proaktif boleh diambil bagi memastikan pelaburan yang patuh syariat sepenuhnya atau pun sekurang-kurangnya meminimumkan pelaburan tidak patuh syariat. Tidak dapat dinafikan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi tujuan ini oleh pihak KWSP.

BIBLIOGRAFI

- 1) Asyraf Wajdi Dusuki, *et.al.* (2011), *Islamic Financial System: Principle and Operation*, Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA).
- 2) Husayn Husayn Shahanah (2009/1430), *Fiqh wa Muhasabah Zakah al-Syarikat*, Kaheerah: Dar al-Nashr li al-Jami'at.
- 3) Abu Mukh (2007) *Zakat al-Syarikat fi al-Fiqh al-Islami*, T.T.P: Dar al-Ma'mun.
- 4) Al-Qaradawi, Yusuf bin 'Abd Allah, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah al-Muta'alliqah bi al-Mal*, Kertas Kerja Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah, Jun 2008.
- 5) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2016). Laman Utama. Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/web/kwsp/home>. Mei 29, 2016.
- 6) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2016). Latar belakang. Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/about-epf/overview-of-the-epf>. Mei 29, 2016.
- 7) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2016). Dividen. Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/about-epf/overview-of-the-epf>. Mei 29, 2016.
- 8) Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014) Diakses daripada http://www.sc.com.my/wpcontent/uploads/eng/html/icm/sas/sc_syariahcompliant_291113.pdf. Februari 5, 2014.
- 9) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2014). Senarai Pelaburan Ekuiti. 2016. Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/about-epf/overview-of-the-epf>. Jan 26, 2014.
- 10) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2016). Senarai Pelaburan Ekuiti. 2016, Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/web/kwsp/about-epf/investment-highlights/list-of-equity-investments/ist-of-top-30-equity-holdings-by-percentage-of-issued-shares-as-at-31-march-2016>. Mei 29, 2016.
- 11) Zaharuddin. (Mac 12, 2007). Surat Dari KWSP Tentang Status Pelaburannya. Diakses daripada <http://zaharuddin.net/pelaburan-&-perniagaan/313-surat-dari-kwsp-tentang-status-pelaburannya.html>. Mei 30, 2016.
- 12) Zaharuddin. (Sept. 16, 2011). Mengapa Pelaburan Tidak Boleh Menjamin Keuntungan?. Diakses daripada <http://zaharuddin.net/soal-jawab-a-isu-pilihan/998-mengapa-tidak-boleh-pelaburan-menjamin-keuntungan.html>, Januari 30, 2014.
- 13) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2014). Overview of the EPF. Diakses daripada <http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/about-epf/overview-of-the-epf>, Januari 29, 2014.
- 14) Nor Mohd Yacop (1996) Perbincangan Sistem kewangan Islam di Malaysia. Diakses daripada <http://www.al-ahkam.net/home/content/su%E2%80%93300108-dividen-kwsp>. Mei 30, 2016.

- 15) Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- 16) Ibn Najim (t.t) al-Ashbah wa al-Naza'ir, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Diakses daripada http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=103&ID=834
- 17) Muzakarah Fatwa Kebangsaan (Bil. 2/2015) Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariat (KWSP-Islamik). Diakses daripada <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/921-penyucian-dividen-simpanan-ahli-kwsp-sedia-ada-sebelum-bertukar-ke-akaun-kwsp-yang-diuruskan-mengikut-prinsip-syariat-kwsp-islamik>. Mei 30, 2016.
- 18) Abu_Muadz. (2012) Zakat KWSP dan Hukum Dividen KWSP. Diakses daripada <http://muslimkaya.blogspot.com/2012/08/zakat-kwsp-dan-hukum-dividen-kwsp.html>. Mei 30, 2016.
- 19) Zaharuddin. (Mac 12, 2007). Hukum Dividen KWSP. Diakses daripada <http://zaharuddin.net/soal-jawab-a-isu-pilihan/257.html?task=view>. Mei 30, 2016.
- 20) Zakat Wang KWSP (2009). Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-wang-kwsp>. Januari 29, 2014.
- 21) Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif. (2006). Diakses daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternat>. Jan 29, 2014.
- 22) Al-Hakim, al-Mustadrak 'ala Sahihayn. al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- 23) Asyraf Wajdi (t.t.). Diakses daripada <http://www.asyrafwajdi.com/v25/index.php/component/k2/item/17-polemik-skim-pelaburan-asn-dan-asb>. Jan 26, 2014.